

Dr. M diberi sambutan meriah sekembali dari bercuti

UM 4 JUL 2002

SUBANG 3 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad diberi sambutan meriah di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sekembalinya dari percutian ke luar negara pagi ini.

Sebaik muncul di pintu pesawat kira-kira pukul 8 pagi, Dr. Mahathir menerima tepukan gemuruh daripada pemimpin dan rakyat pelbagai lapisan yang berbaris panjang menunggu kedatangan beliau.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengetuai para pemimpin kerajaan menyambut kepulangan beliau yang diiringi isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Pada masa yang sama, pesawat ringan membawa kain rentang tertera 'Dr.M - Kepulanganmu dinantikan' berlegar di ruang udara sebagai mengalu-alukan kepulangan Perdana Menteri.

Inilah kemunculan pertama Dr. Mahathir sejak membuat kejutan mengenai peletakan jawatannya pada Perhimpunan Agung UMNO 22 Jun lalu, yang kemudian ditarik balik setelah menimbang rayuan pemimpin dan ahli parti serta pelbagai lapisan rakyat.

Memenuhi permintaan pelbagai pihak yang mahu mendengar sendiri penjelasan beliau mengenai keputusan peletakan jawatannya dalam parti dan kerajaan serta pelan peralihan kuasa, Perdana Menteri mengadakan sidang akhbar selama setengah jam.

Sidang akhbar itu disiarkan secara langsung oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) dan stesen televisyen lain termasuk saluran RIA stesen satelit berbayar ASTRO.

Pada sidang akhbar tersebut, Dr. Mahathir menjawab pelbagai soalan daripada wartawan tempatan dan asing berhubung

keputusannya meletak jawatan dan menamakan Abdullah sebagai pengganti.

Beliau kemudiannya keluar ke pentas sementara yang didirikan di padang letak kereta pangkalan tersebut untuk memberi ucapan ringkas kepada kira-kira 10,000 rakyat yang antaranya datang seawal 5 pagi bagi menyambut kepulangannya.

Terima kasih

Dalam ucapannya, Perdana Menteri mengucapkan terima kasih atas kehadiran sebegitu ramai rakyat khususnya ahli parti komponen Barisan Nasional (BN) untuk menyatakan sokongan kepada beliau.

Menurut Dr. Mahathir, sokongan yang ditunjukkan menerusi kehadiran mereka itu memberi semangat kepadanya untuk terus berkhidmat kepada parti walaupun setelah tidak lagi menjadi Presiden UMNO dan

Perdana Menteri selepas Oktober tahun depan.

"Saya tidak akan mengham-pakan anda semua," katanya mengakhiri ucapan sambil disambut sorakan 'Hidup Mahathir, Hidup UMNO dan Hidup BN' oleh mereka yang hadir.

Perdana Menteri kemudian menerima skrol seni kata lagu *Khalifah Kita* yang digubah khas oleh seniman tanah air daripada Ilya Qastalanni Haulilah, 15, sebagai tanda penghargaan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atas kepimpinan beliau.

Dr. Mahathir selepas itu meluahkan masa bersalaman dengan rakyat yang hadir sebelum bergegas ke Putrajaya untuk mempengerusikan mesyuarat Kabinet, tugas rasmi pertamanya selepas bercuti.